

DBKL roboh struktur iklan haram

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merobohkan satu struktur pengiklanan haram dalam operasi Tindakan Khas Struktur Papan Iklan Tanpa Kelulusan di Jalan Riong Off Jalan Bangsar di sini pada Selasa.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, tindakan itu diambil berikutan struktur papan tanda iklan di atas rizab jalan itu dibina tanpa kebenaran dan lesen daripada pihak berkuasa tempatan.

Susulan itu, satu tindakan penguatkuasaan bagi menurunkan papan tanda iklan berkenaan telah diambil menerusi kesalahan di bawah Seksyen

46, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974, tambah kenyataan itu.

"Operasi dijalankan menerusi Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal serta Pejabat Cawangan Lembah Pantai.

"Struktur iklan yang diturunkan dihantar ke Setor Simpanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL Jalan Cheras untuk rekod penyimpanan sementara dan proses pelupusan," kata kenyataan tersebut.

Tambahnya, operasi tindakan bersama itu akan diteruskan di lokasi yang telah dikenal pasti.



Kerja-kerja merobohkan satu struktur pengiklanan haram oleh DBKL di Jalan Riong Off Jalan Bangsar, Kuala Lumpur pada Selasa.